

07/05/1997

Kerajaan tempatan diminta akur syarat lulus projek

SHAH ALAM, Selasa - Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diminta mematuhi arahan kerajaan supaya tidak meluluskan pelan susur atur projek perumahan atau bandar baru yang membabitkan penebangan pokok dan perataan bukit bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata PBT sepatutnya mematuhi garis panduan yang disediakan oleh kementeriannya mengenai projek pembangunan di kawasan bukit dan bekas lombong.

Menurutnya, walaupun urusan tanah tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan PBT, garis panduan itu wajar dipatuhi bagi mengelakkan sebarang tragedi yang membabitkan orang ramai.

"Adalah penting bagi PBT untuk mematuhi garis panduan yang disediakan kementerian berikutan tragedi Highland Towers yang membabitkan kondominium di kawasan pinggir bukit.

"Malah, PBT boleh mendapatkan khidmat Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam membantu membuat keputusan jika terdapat kekeliruan mengenai kesan alam sekitar terhadap sesuatu kawasan sebelum meluluskan projek di kawasan masing-masing," katanya selepas merasmikan Forum Teknologi Perniagaan Malaysia-Kanada di Sirim, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, mengenai keputusan kerajaan untuk mengkaji semula semua pelan pembinaan yang sudah diluluskan tetapi membabitkan banyak kerja meratakan bukit dan penebangan pokok bagi memastikan ia tidak menjejaskan alam sekitar.

Keputusan itu dicapai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan kebimbangannya mengenai kegiatan penebangan pokok dan perataan bukit yang semakin berleluasa dalam projek pembangunan perumahan dan bandar baru.

Law berkata, kementeriannya sentiasa bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri dan PBT untuk memastikan mereka mematuhi arahan kerajaan.

Menurut beliau, kementeriannya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang tegas jika mendapati ada pihak yang mengabaikan perlindungan alam sekitar.

"Ada juga pihak berkuasa tempatan yang merujuk kepada JAS bagi mendapatkan komen dan khidmat nasihat sebelum meluluskan projek tertentu," katanya.

(END)